

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HKT 405 Teori dan Kaedah dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah yang anda faham dengan "sastera baru muncul" dan "genre baru/pinggiran" sebagai sebahagian dari objek kajian dalam Kesusasteraan Bandingan masa kini? Jelaskan bagaimanakah objek kajian ini mencabar pretensi dan andaian yang tersirat dalam Kesusasteraan Bandingan bahawa semua jenis sastera dari berbagai kelompok manusia, masa dan tempat dapat digarap melalui satu wacana atau puitika yang sama dan padu.
2. Bincangkan jenis-jenis tiruan yang dikaji dalam Kesusasteraan Bandingan. Bandingkan konsep tiruan secara umum dengan konsep ciplakan dengan merujuk kepada kes perhubungan antara karya Gone With the Wind oleh Margaret Mitchell dan karya Blue Bicycle oleh Regine Deforges.
3. Bincangkan dengan terperinci persoalan politik adaptasi dalam kajian perhubungan antara seni sastera dengan seni filem. Perbincangan anda mestilah berdasarkan kepada sekurang-kurangnya satu kes sebenar adaptasi sebuah karya sastera kepada sebuah karya filem.
4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tepat dari sastera berbagai negara bincangkan bagaimana mitos dan legenda dimanfaatkan oleh pengarang-pengarang moden di dalam penghasilan karya-karya mereka. Pada pendapat anda bagaimanakah penggunaan mitos dan legenda dari tradisi klasik atau lisan oleh pengarang-pengarang berkenaan dapat memperkayakan karya mereka?

.../2

5. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat bincangkan perbezaan antara fenomena pergerakan dengan fenomena aliran dalam sejarah perkembangan kesusasteraan di Timur dan Barat. Pada pendapat anda apakah kesukaran-kesukaran yang sering dihadapi oleh sarjana Kesusasteraan Bandingan yang mengkaji fenomena-fenomena ini?
6. Bincangkan andaian-andaian dan cara kerja kritikan atau bacaan dekonstruktif yang dipelapor Derrida. Pada pandangan anda apakah kekuatan-kekuatan atau kelemahan-kelemahan yang terdapat pada kritikan atau bacaan ini?
7. Bincangkan konsep sfera konsentrik yang dicadangkan oleh Hosillos. Jelaskan sejauh manakah konsep ini dapat menyatukan berbagai pendekatan dalam Kesusasteraan Bandingan.
8. Bincangkan prinsip-prinsip asas kritikan feminis. Pada pandangan anda apakah perkaitan yang terdapat antara kritikan ini dengan teori bacaan Derrida?

-oooooooo-